

0636

B B068 BAH  
MAHATHIR-CALON  
(1)

ALOR SETAR, 23 JULAI (BERNAMA) -- Pengerusi Barisan Nasional Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan senarai Barisan Calon BN Negeri Kedah dengan tujuh orang muka baru.

Datuk Seri Dr Mahathir akan mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu yang pertama kali beliau menangi pada pilihan raya umum 1974.

Dua menteri persekutuan turut mempertahankan kawasan Parlimen masing-masing iaitu Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid di Jerlun/Langkawi dan Menteri Kewangan Encik Daim Zainuddin di Merbok.

Dua timbalan menteri turut di senaraikan bagi mempertahankan kerusi masing-masing iaitu Timbalan Menteri Kewangan Datuk Oo Gin Sun di Alor Setar dan Timbalan Menteri Luar Datuk Kadir Sheikh Fadzir di Kulim Bandar Baru.

Tujuh muka baru ialah Datuk Dr Affifuddin Omar (Padang Terap), Dr Abdul Hadi Derani (Kota Setar), Haji Ghazali Ahmad (Jerau), Datuk Haji Zainal Abidin Johari (Sik), Raja Arifin Raja Sulaiman (Baling), Haji Abdul Manaf Haji Ahmad (Sungai Petani) dan Encik Chew Kam Hooi (Padang Serai). -- LAGI

2244MST 23 07 86

0638

B B069 BAH  
MAHATHIR-CALON 2 ALOR SETAR

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Lekma) Datuk Haji Abu Bakar Rautin juga akan mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Kedah dan Encik Othman Abdul di Pendang.

Calon-calon SIK dan Baling sebelum ini adalah anggota Majlis Kerja Kerajaan Negeri.

Sebelum itu Datuk Seri Dr Mahathir +diserang+ oleh pihak-pihak tertentu yang cuba melobi pada saat-saat terakhir sebaik sahaja beliau tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas dan juga sebelum mengumumkan senarai itu di Ibu Pejabat UMNO Negeri di sini.

Sebelum mengumumkan senarai calon itu, Datuk Seri Dr Mahathir telah berucap mengenai cara-cara BN membahagikan kerusi dan memilih calonnya bagi pilihan raya umum 2 dan 3 Ogos yang menurutnya mempamerkan sikap tolak ansur antara parti-parti komponen.

Katanya, BN yang mempunyai 13 parti menghadapi kesukaran dalam pembahagian kerusi yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan anggota komponen yang tidak dapat dielakkan. -- LAGI

2248MST 23 07 86

B B070 BAH

MAHATHIR-CALON 3 ALOR SETAR

DAHULU KETIKA PERIKATAN YANG HANYA DIANGGOTAI OLEH UMNO, MCA DAN MIC MASALAH PEMBAGIAN KERUSI DAN PEMILIHAN CALON TIDAKLAH SESUKAR SEBAGAIMANA YANG DIHADAPI SEKARANG, KATANYA.

BELIAU BERSYUKUR KERANA ATAS SIKAP MEMPERCAYAI KEPADA BN DAN ASAS-ASAS PERJUANGANNYA PUCUK PIMPINAN PARTI BERJAYA MEMBAHAGI-BAGIKAN KERUSI DAN MENYELESAIKAN BANYAK MASALAH DAN PERTIKAIAN TANPA MENJEJASKAN PRESTASI BN.

BELIAU JUGA MENYEBUT MENGENAI PENARIKAN DIRI BERJAYA DARIPADA BN DAN KEPUTUSAN SEBUAH LAGI PARTI KOMPONEN BERJAYA YANG MENARIK DIRI DARIPADA BERTANDING TETAPI TERUS KEKAL DALAM BN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN PENARIKAN DIRI BERJAYA ITU TIDAK AKAN MENJEJASKAN PELUANG BN UNTUK MEMPEROLEHI KEMENANGAN CEMERLANG TERUTAMA DI SABAH.

BERJAYA SEBELUM INI BERSAMA-SAMA USNC DAN PBS ANGGOTA BN DI SABAH.

MENGENAI BERJASA, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH BERBINCANG DENGAN YANG DIPERTUANYA WAN HASHIM WAH AHMAD DAN BELIAU (WAN HASHIM) MEMBERI JAMINAN BAHAWA BERJASA AKAN TERUS MENYOKONG BN DAN CALON-CALONNYA PADA PILIHAN RAYA INI LAGI

2250MST 23 07 86

D640

B B071 BAH

MAHATHIR-CALON 4 ALOR SETAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERANA SIKAP BERTOLAK ANSUR DAN MEMENTINGKAN KERJASAMA ANTARA KAUM TELAH MEMBOLEHKAN NEGARA KEKAL, STABIL, MAKMUR DAN RAKYATNYA MENIKMATI KESEJAHTERAAN.

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT KHUSUSNYA ANGGOTA DAN PENYOKONG BN BAHAWA ANG PENTING BUKAN SOAL CALON TETAPI MENJAMIN KEMENANGAN DUA PERTIGA BAGI BN SUPAYA IA TERUS DAPAT MEMBINA NEGARA YANG MAKMUR SERTA EKONOMI DAN POLITIK YANG STABIL.

KATANYA KALAU KERAJAAN TIDAK KUKUH SUDAH TENTU SUKAR MENGAMBIL TINDAKAN UNTUK MENGATASI SEGALA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA SEKARANG TERUTAMA KEMELESETAN EKONOMI.

BELIAU BERKATA JIKA PARTI MEMPEROLEHI KEMENANGAN TIPIS ATAU KEPUTUSAN YANG SAMA KUAT DENGAN PIHAK PEMBANGKANG SUDAH TENTU AKAN BERLAKU USAHA OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG UNTUK +MEMBELI+ CALON LAWAN SUPAYA MENUBUHKAN KERAJAAN.

APA YANG AKAN BERLAKU, KATANYA, PARTI YANG SATU LAGI AKAN CUBA PULA BERUSAHA MENDAPATKAN SEMUA MAJORITI DAN KEADAAN YANG SAMA AKAN BERTERUSAN MENYEBABKAN PARTI-PARTI HANYA BERTUMPU KEPADA POLITIK HINGGA MELUPAKAN KEPADA PENTADBIRAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERHARAP PENGUNDI AKAN TERUS MEMBERI SOKONGAN YANG PADU KEPADA BN PADA PILIHAN RAYA UMUM INI SUPAYA SEGALA MASALAH YANG SEDANG DIHADAPI OLEH NEGARA DAPAT DIATASI SEGERA. - BERNAMA

2252MST 23 07 86